



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

SIASATAN PENCEMARAN BAU DIESEL YANG MENYEBABKAN HENTI TUGAS LOJI RAWATAN AIR SUNGAI SEMENYIH

1. **4 Mei 2022, SEMENYIH** – Susulan aduan pencemaran bau diesel yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 1 Mei 2022 dan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih pada 3 Mei 2022, JAS telah menjalankan siasatan ke atas premis-premis di sepanjang Sungai Semenyih terutamanya di Kawasan Perindustrian Beranang, Selangor bagi mengesan premis yang menyebabkan pencemaran tersebut.
2. JAS telah menjalankan siasatan ke atas sebuah premis yang disyaki menyebabkan insiden pencemaran tersebut dan sampel campuran minyak serta air telah diambil untuk siasatan lanjut.
3. Perintah Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) juga telah dikeluarkan ke atas premis tersebut manakala tindakan di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 akan dilakukan setelah memperolehi keputusan analisis kimia.
4. Jika didapati bersalah pihak premis boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum selama tempoh lima tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan sehingga RM1,000 sehari bagi setiap hari kesalahan.
5. JAS akan meneruskan siasatan dan pemeriksaan ke atas semua premis yang berpotensi melakukan pencemaran tersebut dan tindakan tegas akan dikenakan ke atas premis yang melakukan pencemaran.

6. Bagi membantu JAS dalam menangani kes-kes pencemaran alam sekitar, orang ramai boleh menjadi pemantau dan pemberi maklumat bagi sesuatu kes pencemaran sehingga tertangkapnya pihak yang melakukan pencemaran.
7. Pemberi maklumat boleh diberi ganjaran di bawah Seksyen 48B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sehingga tertangkapnya pelaku ini dan pemberi maklumat diberi perlindungan di bawah Seksyen 50A, Akta yang sama.
8. Saya juga mengalu-alukan orang ramai untuk membuat aduan dan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar,
Dikeluarkan pada 4 Mei 2022